



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2001

**TAWARAN OPSYEN SKIM
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan menjelaskan syarat dan prosedur pemberian opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Skim KWSP) mengikut peruntukan Seksyen 6A(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

DEFINISI

2. Untuk tujuan Pekeliling ini:

agensi awam bermaksud kementerian atau jabatan (Persekutuan dan negeri), pihak berkuasa berkanun (Persekutuan dan negeri) dan pihak berkuasa tempatan;

ketua jabatan bermaksud pegawai yang mengetuai sesebuah organisasi sama ada di peringkat ibu pejabat, bahagian, cawangan, seksyen atau unit dalam

sesebuah agensi awam, iaitu termasuk ketua perkhidmatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh ketua jabatan;

pegawai bermaksud pegawai atau pekerja yang dilantik secara tetap berkhidmat dengan mana-mana perkhidmatan sektor awam, kecuali Perkhidmatan Angkatan Tentera;

pegawai berpencen bermaksud pegawai yang telah diberi taraf pegawai berpencen di bawah Seksyen 7 Akta 227, atau pekerja berpencen di bawah Seksyen 6 Akta 239, atau yang disifatkan sebagai pegawai berpencen di bawah Seksyen 8 Akta 227 atau pekerja berpencen di bawah Seksyen 7 Akta 239;

perkhidmatan sektor awam bermaksud semua perkhidmatan yang disenaraikan dalam Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan (kecuali Perkhidmatan Angkatan Tentera), Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan;

pihak berkuasa melantik (PBM) bermaksud pihak yang diberi kuasa secara sah untuk melantik seseorang berkhidmat dengan mana-mana agensi awam di bawah bidang kuasa PBM berkenaan;

Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bermaksud kumpulan wang simpanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

LATAR BELAKANG

3. Subseksyen (1) di bawah Seksyen 6A Akta 227 dan Akta 239 memberi peluang kepada pegawai yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991 memilih Skim KWSP sebelum mereka disahkan dalam jawatan. Peruntukan lengkap Subseksyen (1) Seksyen 6A Akta 227 adalah seperti berikut:

“Seseorang pegawai yang dilantik pada atau selepas mula berkuatkuasanya seksyen ini hendaklah, sebelum disahkan dalam jawatannya, berhak untuk memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.”

Subseksyen (3) di bawah seksyen yang sama menetapkan bahawa apabila opsyen yang dibuat oleh seseorang pegawai di bawah Subseksyen (1) itu berkuatkuasa, maka opsyen tersebut adalah muktamad. Ini bermakna pegawai tidak boleh meminda, menukar, membatalkan atau membuat opsyen yang baru kecuali mereka telah meletakkan jawatan dan dilantik semula secara tetap sama ada ke jawatan yang sama atau berlainan.

SYARAT MEMILIH SKIM KWSP

4. Mulai tarikh Pekeliling ini dikuatkuasakan, pegawai yang dilantik secara tetap ke dalam perkhidmatan sektor awam dalam keadaan berikut layak diberi opsyen untuk memilih Skim KWSP:

- (i) pegawai yang dilantik kali pertama;
- (ii) pegawai yang dilantik kali kedua dan seterusnya setelah meletakkan jawatan daripada perkhidmatan sebelumnya. Ini termasuklah mereka yang telah diberi pelepasan dengan izin; dan
- (iii) pegawai yang belum pernah membuat opsyen mengikut peruntukan Seksyen 6A(1) Akta 227 atau Akta 239 dalam perkhidmatan sebelumnya.

5. Pada masa ini pegawai yang diberi pelepasan dengan izin oleh ketua jabatan untuk menyandang jawatan lain yang berada di bawah PBM yang berlainan dikehendaki meletakkan jawatan. Akibat peletakan jawatan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan yang terdahulu akan terputus. Walau bagaimanapun untuk memastikan hak pencen pegawai tidak terjejas, mereka disyaratkan supaya memohon pelepasan dengan izin terlebih dahulu. Dengan peletakan jawatan itu pegawai layak diberi opsyen untuk memilih Skim KWSP dalam perkhidmatan yang baru. Jika pegawai memilih Skim KWSP sedangkan mereka telah diberi taraf berpencen dalam perkhidmatan yang terdahulu, maka taraf tersebut akan mansuh. Sebaliknya, jika mereka menolak Skim KWSP, maka taraf berpencen mereka akan kekal dan tempoh perkhidmatan lama boleh dicantumkan dengan perkhidmatan yang baru untuk tujuan faedah pencen. Dalam keadaan ini pegawai tidak perlu diberi taraf berpencen sekali lagi.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

6. Oleh kerana pilihan yang bakal dibuat oleh seseorang pegawai itu akan memberi kesan yang besar kepada perkhidmatan mereka dari segi jangka panjang, maka ketua jabatan hendaklah memastikan:

- (i) sebelum pegawai diperakukan untuk disahkan dalam jawatan dan diberi opsyen, mereka hendaklah diberi penjelasan mengenai implikasi pilihan yang bakal mereka buat. Penjelasan ini boleh diberikan semasa pegawai mengikuti Kursus Induksi atau pada kesempatan yang lain. Pegawai dari Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pegawai KWSP boleh diundang untuk memberi penjelasan mengenai faedah kedua-dua skim itu, jika perlu;
- (ii) mengedarkan borang opsyen seperti di **Lampiran A** (untuk pegawai di bawah Akta 227) atau **Lampiran B** (untuk pegawai di bawah Akta 239), mengikut mana yang berkenaan, untuk membolehkan mereka membuat opsyen;
- (iii) borang opsyen yang telah dilengkapkan oleh pegawai dikemukakan oleh ketua jabatan kepada PBM bersama-sama dengan perakuan pengesahan dalam jawatan;
- (iv) surat pengesahan dalam jawatan yang dikeluarkan oleh PBM hendaklah menyatakan pilihan yang telah dibuat oleh pegawai;
- (v) ketua jabatan hendaklah mencatatkan dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai mengenai opsyen yang telah mereka buat;
- (vi) pegawai yang gagal mengembalikan borang opsyen, atau mengembalikannya tanpa menyatakan sebarang pilihan, atau membuat pilihan dengan bersyarat, maka mereka dianggap telah menolak pilihan Skim KWSP dan penolakan itu berkuatkuasa pada tarikh pengesahan dalam jawatan; dan
- (vii) opsyen yang telah dibuat oleh seseorang pegawai adalah **MUKTAMAD**.

7. Setiap pegawai yang menolak tawaran Skim KWSP (kecuali mereka yang berada dalam keadaan yang diuraikan di perenggan 5 di atas), hendaklah diperakukan oleh

ketua jabatan kepada PBM untuk diberi taraf berpencen dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran C** apabila mereka memenuhi semua syarat yang ditetapkan.


KUATKUASA DAN PEMBATALAN

8. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1991 dibatalkan.

PEMAKAIAN

9. Pekeliling ini terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan negeri yang tertakluk di bawah Akta 227 serta pegawai pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang tertakluk di bawah Akta 239.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI JAMALUDDIN B. HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

Tarikh: 20 DISEMBER 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan.

LAMPIRAN A

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN SSB ANGGOTA PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA DI BAWAH SISTEM SARAAN BARU

1.	Ketua Polis Negara	VU3
2.	Timbalan Ketua Polis Negara	VU5
3.	Pesuruhjaya Polis	VU6
4.	Timbalan Pesuruhjaya Polis	VU7
5.	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I	Y1
6.	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred Ii	Y2
7.	Penolong Pesuruhjaya Polis	Y3
8.	Penguasa Polis	Y4
9.	Timbalan Penguasa Polis	Y5
10.	Penolong Penguasa Polis	Y6
11.	Ketua Inspektor	Y7
12.	Inspektor	Y8
13.	Sub-Inspektor	Y9
14.	Sarjan Mejar	Y10
15.	Sarjan	Y11
16.	Koperal	Y12
17.	Lans Koperal	Y13
18.	Konstabel	Y14

Pasukan Polis Orang Asli

19.	Penguasa Polis	YP6
20.	Timbalan Penguasa Polis	YP7
21.	Penolong Penguasa Polis	YP8
22.	Ketua Inspektor	YP9
23.	Inspektor	YP10
24.	Sub-Inspektor	YP11

Pasukan Polis Tambahan

29.	Sub-Inspektor	YT1
30.	Sarjan Mejar	YT2
31.	Sarjan	YT3
32.	Koperal	YT4
33.	Lans Koperal	YT5
34.	Konstabel	YT6

LAMPIRAN B

**PELARASAN GAJI KONSTABEL GRED Y14 DARI
MATAGAJI SEKARANG KEPADA MATAGAJI BARU
MENGIKUT PRINSIP PEMINDAHAN MATAGAJI KE MATAGAJI
(*POINT TO POINT CONVERSION*)**

(Perenggan 10, Pekeliling Perkhidmatan ini)

Tarikh	Gaji Sekarang Gred Y14 (RM)	Gaji Baru Gred Y14 (RM)	<i>Catatan</i>
1.10.2001	683.10 (P1T5)		Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal.
1.1.2002		751.41 (P1T5)	Tarikh kuatkuasa Pelarasan Gaji. Diberi Pelarasan Gaji ke Matagaji Baru mengikut Peringkat gaji.
1.10.2002		840.95 (P2T6) atau 798.60 (P2T5) atau 792.55 (P1T6)	TPG asal dikekalkan. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi – Melintang Menegak Mendatar

		atau 751.41 (P1T5)	Statik
--	--	---------------------------------	--------

**PELARASAN GAJI KONSTABEL GRED Y14
YANG TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN
ADALAH 1 JANUARI**

(Perenggan 11 Pekeliling Perkhidmatan ini)

Tarikh	Gaji Sekarang Gred Y14 (RM)	Gaji Baru Gred Y14 (RM)	Catatan
1.1.2001	683.10 (P1T5)		Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal.
1.1.2002		751.41 (P1T5)	Tarikh kuatkuasa Pelarasan Gaji. Diberi Pelarasan Gaji ke Matagaji Baru mengikut Peringkat gaji.
1.1.2002		840.95 (P2T6) atau 798.60 (P2T5) atau 792.55 (P1T6) atau 751.41 (P1T5)	TPG asal dikekalkan. Pergerakan Gaji mengikut penilaian prestasi – Melintang Menegak Mendatar Statik

**PELARASAN GAJI SARJAN GRED Y11 YANG
TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN ADALAH 1 JANUARI
DAN DINAIKKAN PANGKAT KE SARJAN MEJAR GRED Y10
PADA 1 JANUARI 2002**

(Perenggan 12 Pekeliling Perkhidmatan ini)

Tarikh	Gaji Sekarang Gred Y11 (RM)	Gaji Baru Gred Y11 (RM)	Gaji Baru Gred Y10 (RM)	Catatan
1.1.2001	1160.50 (P1T5)			Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal.
1.1.2002		1276.55 (P1T5)		Tarikh kuatkuasa Pelarasan Gaji. Diberi Pelarasan Gaji ke Matagaji Baru atas jawatan lama.
1.1.2002		1343.10 (P1T6) (mendatar)		Diberi pergerakan gaji tahunan mengikut keputusan *PPG atas jawatan lama.
1.1.2002			1409.65 (P1T4)	Tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat. Diselaraskan ke gaji jawatan kenaikan pangkat.

* PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji.

LAMPIRAN E**PELARASAN GAJI PENOLONG PENGUASA POLIS GRED Y6
YANG DINAIKKAN PANGKAT KE TIMBALAN PENGUASA POLIS
GRED Y5 PADA 1 JANUARI 2002**

(Perenggan 13 Pekeliling Perkhidmatan ini)

Tarikh	Gaji Sekarang Gred Y6 (RM)	Gaji Baru Gred Y6 (RM)	<i>Gaji Baru Gred Y5 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1.10.2001	2191.20 (P1T10)			Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal.
1.1.2002		2410.32 (P1T10)		Tarikh kuatkuasa Pelarasan Gaji. Diberi Pelarasan Gaji ke Matagaji Baru atas jawatan lama.
1.1.2002			2532.53 (P1T2)	Tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat. Diselaraskan ke gaji jawatan kenaikan pangkat.